

NOTA

AGAMA ASAS KESEJAHTERAAN MANUSIA

Fahami butiran maklumat di bawah.



Nama: Muhammad Nasir bin Sulaiman
Agama: Islam

Contoh amalan agama:

- menunaikan solat fardu lima waktu sehari
- berpuasa pada bulan Ramadan
- mengerjakan solat Jumaat secara berjemaah di masjid

Nama: Ashmitha a/p Balan
Agama: Hindu

Contoh amalan agama:

- bersembahyang di kuil sekali dalam seminggu dan pada hari-hari perayaan Hindu dengan membawa bunga malai
- memakai *vibuthi* selepas bersembahyang
- duduk dan bertapa seketika selepas bersembahyang



Nama: Chan Li Qi
Agama: Buddha

Contoh amalan agama:

- menyalakan lilin memohon keberkatan di tokong
- mempersembah bunga teratai yang melambangkan kesucian kepada Buddha
- melakukan meditasi berdasarkan ajaran Buddha

Nama: Manjit Singh
Agama: Sikh

Contoh amalan agama:

- menunaikan sembahyang 3 waktu dalam sehari (pagi, petang, malam)
- memakai serban dan gelang besi
- membaca kitab suci Guru Granth Sahib Ji



Nama: Gerald Charles
Agama: Kristian

Contoh amalan agama:

- membaca kitab suci Kristian (Al-Kitab)
- melawat gereja setiap hari minggu untuk upacara sembahyang *mass* atau *service*
- menyembah Tuhan di gereja dengan iringan muzik dan nyanyian

(Sumber rujukan: Persatuan Buddhist Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Persekutuan Kristian Malaysia, Majlis Gurdwara Malaysia)

LATIHAN

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

serban

malai

gereja

colok

gurdwara

solat

kavadi

mengaji

1. Gibert membaca kitab suci Kristian (Al-Kitab) di _____.
2. Azmir menunaikan _____ lima kali sehari.
3. Ai Peng membakar _____ ketika bersembahyang.
4. Baljit Singh memakai _____ sebagai amalan agamanya.
5. Joseph anak Janting senyap ketika rakan-rakannya sedang _____ al-Quran.
6. Rina Kaur menyertai perarakan Hari Vaisakhi di _____.
7. Thilaga membawa bunga _____ ke kuil untuk dikalungkan kepada patung dewa dan dewi.
8. William dan rakan-rakannya menghormati amalan perarakan _____ semasa Thaipusam.

B. Tandakan [✓] bagi pernyataan yang betul dan [X] bagi pernyataan yang salah.

Bil.	Pernyataan	Jawapan
1.	Naveen senyap apabila berada di kuil.	
2.	Saya menghormati amalan agama rakan-rakan.	
3.	Ming Chin berpakaian mencolok mata ketika menghadiri majlis berbuka puasa.	
4.	Saya tidak menghidangkan daging lembu kepada rakan yang beragama Hindu.	
5.	Rakyat dapat hidup dalam suasana harmoni apabila saling menghormati amalan agama lain.	
6.	Vinod tidak mentertawakan tindakan Ong yang membakar colok semasa bersembahyang.	
7.	Saya berasa marah apabila azan dilaungkan di kawasan kejiranan.	
8.	Vincent bertukar-tukar hadiah sesama ahli keluarga semasa perayaan Krismas.	
9.	Alena anak Randi menziarahi jiran yang baru kematian ahli keluarga.	
10.	Pegangan dan amalan agama menjadikan kehidupan lebih sejahtera.	